



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11 Jld. 3 (5)
Tarikh : 29 November 2017
10 Rabiulawal 1439H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN BIASISWA TAJAAN BADAN ASING TAHUN 2018

- **JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – GLOBAL PUBLIC LEADERSHIP PROGRAM (ASEAN) FY2018**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negara Jepun melalui *Japan International Cooperation Agency (JICA)'s Knowledge Co-Creation Program (Long Term)* telah menawarkan kemudahan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah *Global Public Leadership Program (ASEAN) FY2018*.

3. Sehubungan itu, sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada **pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** di kementerian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti program ini.

4. Tarikh Buka dan Tutup Permohonan/ Pencalonan:

- 4.1 Tarikh permohonan *online* dibuka bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **30 November 2017 (Khamis)** dan tarikh tutup permohonan *online* adalah pada **13 Disember 2017 (Rabu)**.

- 4.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan juga adalah pada **13 Disember 2017 (Rabu)**.
- 4.3 Keputusan pencalonan yang berjaya akan diumumkan di portal eSila, JPA iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my> pada **April 2018**.
5. Keterangan lanjut, syarat-syarat permohonan dan tatacara pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan


Telefon : 03-88853546
Emel : ldp@jpa.gov.my

6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(AZURA BINTI AZIZ)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
GLOBAL PUBLIC LEADERSHIP PROGRAM (ASEAN) FY2018**

1. Syarat-syarat pencalonan

- (a) Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 Januari 2018**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2014, 2015 & 2016)**. Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan;
- (e) Tidak mengikuti kursus pendek di luar negara dalam **tempoh satu (1) tahun kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan** (dikira dari tarikh kursus ini bermula);
- (f) Kursus yang dipohon adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (g) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (h) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (i) Telah mengisytiharkan harta;
- (j) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (k) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;
- (l) Mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris dengan skor minimum seperti berikut:
 - i. TOEFL PBT : 580
 - ii. TOEFL iBT : 92
 - iii. IELTS (Academic Modules) : 6.5

2. Tatacara Permohonan/Pencalonan.

2.1 Tanggungjawab Pegawai.

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **30 November 2017 sehingga 13 Disember 2017**.

2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
- (ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);
- (iii) Salinan Pasport Antarabangsa;
- (iv) *JICA Application Form* (2 salinan lengkap dengan gambar berukuran 4cm x 3 cm); dan
- (v) *Laporan perubatan* JICA.
- (vi) Salinan Ijazah Pertama atau Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan);
- (vii) Salinan pencapaian TOEFL/ IELTS.

2.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan.

2.2.1 Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh

perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 2.1.2.**